

Lebih 10,000 rai Tahun Baharu Cina bersama PM
Utusan Online
12 Februari, 2013
Oleh MOHAMAD FIKRY ROSLY dan HANIZA HASSAN

JOHOR BAHRU 12 Feb. - Lebih 10,000 masyarakat berbilang kaum membanjiri perkarangan Pasaraya Econsave di Senai, dekat sini hari ini bagi sama-sama memeriahkan sambutan Tahun Baharu Cina peringkat negeri Johor bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri yang turut diiringi isteri, Datin Seri Rosmah Mansor tiba pada pukul 3.45 petang selepas selesai mempengerusikan Mesyuarat Tertutup UMNO dan Barisan Nasional (BN) Johor di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada di sini.

Turut hadir Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan isteri, Prof. Datin Paduka Dr. Jamilah Ariffin; Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Chua Soi Lek; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Ahmad Maslan, para Exco Kerajaan Negeri dan barisan pemimpin setempat. -
UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130212/dn_39/Lebih-10000-rai-Tahun-Baharu-Cina-bersama-PM